



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGARUH KECERDASAN EMOSI (EQ) DAN AMALAN
KEIBUBAPAAN IBU TERHADAP EQ REMAJA**

TEH FUI KHIM

FEM 2001 1

**PENGARUH KECERDASAN EMOSI (EQ) DAN AMALAN
KEIBUBAPAAN IBU TERHADAP EQ REMAJA**

Oleh

TEH FUI KHIM

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Sarjana Sains di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**

Jun 2001



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**PENGARUH KECERDASAN EMOSI (EQ) DAN AMALAN
KEIBUBAPAAN IBU TERHADAP EQ REMAJA**

Oleh

TEH FUI KHIM

Jun 2001

Pengerusi : Profesor Madya Dr. Rozumah Baharudin

Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan mengenalpasti perkaitan dan sumbangan kecerdasan emosi (EQ) ibu, perapatan ibu-remaja dan caragaya keibubapaan ibu terhadap kecerdasan emosi (EQ) remaja. Kajian ini telah juga menentukan perkaitan di antara faktor latar belakang ibu dan remaja dengan EQ remaja.

Sampel kajian terdiri daripada 305 pasangan ibu-anak berbilang kaum daripada tujuh buah sekolah menengah di sekitar daerah Seremban. Sampel telah terpilih secara rawak berlapis dan maklumat dikumpul melalui borang soal selidik. EQ remaja dan ibu telah diukur dengan menggunakan *Emotional Intelligence Scale* (Shutte et al., 1998). *Adolescence Attachment Questionnaire* (West et al., 1998) telah digunakan untuk mengukur perapatan ibu-remaja, manakala caragaya keibubapaan diukur dengan menggunakan *Parental Authority Questionnaire* (Buri, 1994). Data yang diperolehi dianalisis menggunakan

Statistical Package for the Social Science (SPSS). Ujian Korelasi Pearson, ANOVA Sehalu dengan Pos Hoc Scheffe dan Regresi Berganda 'stepwise' telah digunakan untuk menguji hipotesis kajian.

Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara EQ ibu ($r = 0.32, p \leq 0.05$), perapatan ibu-remaja ($r = 0.34, p \leq 0.05$) dengan EQ remaja. Analisis ANOVA Sehalu menunjukkan terdapat perbezaan EQ remaja yang signifikan ($F=10.27, p \leq 0.05$) antara caragaya keibubapaan permisif, autoritatif dan autoritarian. Analisis ANOVA Sehalu juga menunjukkan perbezaan EQ ibu yang signifikan ($F = 5.13, p \leq 0.05$) berdasarkan caragaya permisif, autoritatif dan autoritarian. Dari segi faktor latar belakang ibu, cuma faktor pendidikan menunjukkan perkaitan yang signifikan ($r = 0.14, p \leq 0.05$) dengan EQ remaja. Hasil kajian menunjukkan wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor latar belakang remaja iaitu jantina [1 = perempuan, 0 = lelaki] ($r = 0.18, p \leq 0.05$), aliran pengajian ($r = 0.21, p \leq 0.05$), pencapaian akademik ($r = 0.32, p \leq 0.05$) dengan EQ remaja. Tiga prediktor unik menyumbang sebanyak 20% terhadap EQ remaja iaitu: perapatan ibu-remaja, 13.7% ($\beta = 0.59, t = 4.94, p \leq 0.05$), EQ ibu, 5.0% ($\beta = 0.23, t = 4.11, p \leq 0.05$). Caragaya permisif, 1.3% ($\beta = -2.92, t = -2.11, p \leq 0.05$). Kesimpulannya, perapatan ibu-remaja, EQ ibu dan caragaya permisif mempengaruhi EQ remaja. Oleh itu, kualiti amalan keibubapaan ibu perlu ditingkatkan bagi perkembangan EQ remaja.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**THE INFLUENCE OF MATERNAL EMOTIONAL INTELLIGENCE (EQ),
MOTHER-ADOLESCENT ATTACHMENT AND MATERNAL
PARAENTING STYLE TOWARDS ADOLESCENT'S EQ**

By

TEH FUI KHIM

June 2001

Chairman: Associate Professor Dr. Rozumah Baharudin

Faculty: Human Ecology

This study aims to determine the relationships amongst maternal EQ, mother-adolescent attachment and maternal parenting style their contributions towards adolescent's EQ. Study also determine the relationships between maternal and adolescent's background with adolescent's EQ.

The sample consists of 305 mother-adolescent dyads of various ethnic groups from seven secondary schools in the district of Seremban. The stratified randomized sampling technique was utilized to identify the sample. Data for the study were collected by using self administered questionnaire. Both mother and adolescent's EQ were measured using Emotional Intelligence Test (Shutte et al., 1998). Adolescence Attachment Questionnaire (West et al., 1998) was used to measure the quality of attachment between mother and adolescent. The maternal parenting style was measured using Parental Authority Questionnaire (Buri, 1994). Data



collected were analyzed using the “Statistical Package for the Social Science for Windows”(SPSS). The Pearson Correlation, One-Way ANOVA with Pos Hoc Scheffe and the ‘stepwise’ Multiple Regression Analyses were used to test the study hypotheses.

Results of the Pearson Correlation analyses showed significant correlations between maternal EQ ($r = 0.32, p \leq 0.05$), mother-adolescent attachment ($r = 0.34, p \leq 0.05$) and adolescent’s EQ. The One-Way ANOVA analyses showed significant difference ($F = 10.27, p \leq 0.05$) between maternal parenting style and the EQ of Adolescent. Also, the mean score of maternal EQ showed significant difference ($F = 5.13, p \leq 0.05$) among the permissive, authoritative, and authoritarian mother. Maternal educational level is the only background factor which showed significant correlations ($r = 0.14, p \leq 0.05$) with the adolescent’s EQ. Results of the Pearson Correlations analyses also showed significant correlations between gender ($r = 0.18, p \leq 0.05$), programme of study ($r = 0.21, p \leq 0.05$) and academic achievement ($r = 0.32, p \leq 0.05$) with the adolescent’s EQ. Three unique predictors contributed 20% to the adolescent’s EQ total variance namely, Mother-adolescent attachment, 13.7% ($\beta = 0.59, t = 4.94, p \leq 0.05$), maternal EQ, 5.0% ($\beta = 0.23, t = 4.11, p \leq 0.05$) and the maternal permissive parenting style, 1.3% ($\beta = -2.92, t = -2.11, p \leq 0.05$). The study concludes that the mother-adolescent attachment, maternal EQ and the maternal parenting style influence the adolescent’s EQ. Thus, attention should be given to enhance quality of maternal parenting in order to promote adolescent’s EQ.

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNYA dapat saya menyiapkan tesis bertajuk “Pengaruh Kecerdasan Emosi (EQ) dan Amalan Keibubapaan Ibu Terhadap (EQ) Remaja”. Tesis ini adalah sebagai syarat untuk mendapat Sarjana Sains dalam Keibubapaan.

Dengan tulus ikhlas, ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan saya, Prof. Madya Dr. Rozumah Baharudin, yang amat saya hormati dan kagumi akan ilmu dan kepakaran beliau, atas segala bimbingan, bantuan dan sokongan yang telah diberikan dengan begitu profesional sekali dalam usaha menjayakan tesis ini. Melalui sesi-sesi perbincangan, ulasan-ulasan yang diberi dalam penulisan kajian dapat saya hayati dan selami dari sudut yang luas lagi mendalam.

Ucapan jutaan terima kasih juga ingin saya tujukan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya iaitu Dr. Rumaya Juhari, yang juga amat saya kagumi akan ilmu dan kepakaran beliau dalam bidang kekeluargaan. Bimbingan dan tunjuk ajar serta perbincangan ilmiah telah meningkatkan kefahaman saya dalam bidang keibubapaan dan penyelidikan. Ucapan jutaan terima kasih juga ingin saya tujukan kepada Pn. Rojanah Kahar. Pengalaman dan kepakaran beliau memudahkan beliau mengesan perkara-perkara yang saya ‘tercicir’ semasa penulisan tesis.

Ingin juga saya mengungkapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi saya cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa selama dua tahun untuk pengajian saya di Universiti Putra Malaysia. Tawaran ini telah memberi saya semangat dan dorongan untuk belajar dengan gigih tanpa kebimbangan dari segi kewangan.

Ucapan terima kasih juga ingin saya tujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia; Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Kerjasama yang diberikan telah membolehkan saya menjalankan kajian dengan lancar.

Rakaman terima kasih juga ingin saya tujukan kepada semua Pengetua, Penolong Kanan, Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar, guru-guru tingkatan empat serta pelajar-pelajar tingkatan empat di SMK Engku Husain, SMK King George V, SMK Tunku Ampuan Najihah, SMK Mantin, SMK Labu, SMK Pendeta Za'ba, SMK Dato' Haji Mohamad Redza dan SMK Datuk Mohamad Said, Nilai. Kesudian mereka memberi bantuan dan kerjasama semasa kajian dijalankan telah menjayakan kajian ini.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, saya ingin mengungkapkan jutaan terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang diberikan terutamanya saudari Khuzaimah Zakaria yang sentiasa berada di sisi untuk memberi bantuan dan dorongan semasa kajian dijalankan. Ucapan terima kasih

juga tidak lupa saya tujukan kepada saudari Al Ling, LC Chong, rakan-rakan di gereja serta rakan-rakan sejawat di SMK Engku Husain.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga khas untuk suamiku dan anakku yang dikasihi serta ahli-ahli keluarga terdekat. Dorongan dan sokongan serta pengorbanan yang ditunjukkan telah membantu dalam proses menyiapkan tesis ini.

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	x
PENGAKUAN	xii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xviii

BAB

1.	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	12
1.3	Kepentingan Kajian	13
1.4	Objektif Kajian	15
	1.4.1 Objektif Am	15
	1.4.2 Objektif Khusus	16
1.5	Hipotesis Kajian	
1.6	Definisi Konseptual dan Operasional	17
	1.6.1 EQ	17
	1.6.2 Caragaya keibubapaan	18
	1.6.3 Perapatan ibu-remaja	18
	1.6.4 Remaja	18
1.7	Limitasi Kajian	19
1.8	Kerangka Teori	19
2.	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	26
2.2	Latar belakang Ibu Dan EQ Remaja	27
2.3	Latar belakang Remaja Dan EQ Remaja	29
2.4	EQ Ibu Dan EQ Remaja	30
2.5	Amalan Keibubapaan Dan EQ remaja	32
	2.5.1 Perapatan Ibu-Remaja Dan EQ Remaja	33
	2.5.2 Caragaya Keibubapaan Ibu Dan EQ Remaja	40
2.6	EQ Ibu Dan Amalan Keibubapaan Ibu	45
2.7	Rumusan	46



3.	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	50
3.2	Rekabentuk Kajian	50
3.3	Lokasi Kajian	51
3.4	Persampelan	53
3.5	Kajian Rintis	53
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	54
3.7	Pengukuran Variable	56
	3.7.1 Variabel Bebas	56
	3.7.2 Variabel Sandar	63
3.8	Ujian Reliabiliti Skala	63
3.9	Penganalisan Data	64
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	67
4.2	Analisis Deskriptif	69
	4.2.1 Maklumat Latar Belakang Ibu Dan Remaja	69
	4.2.2 Skor EQ Ibu Dan Remaja	72
	4.2.3 Skor Kualiti Perapatan Ibu-Remaja	73
	4.2.4 Caragaya Keibubapaan Ibu	76
4.3	Analisis Inferensi	78
	4.3.1 Perkaitan Antara Faktor Latar Belakang Ibu Dengan Skor EQ Remaja	78
	4.3.2 Perkaitan Antara Faktor Latar Belakang Remaja Dengan Skor EQ Remaja	81
	4.3.3 Perkaitan Antara Skor EQ Ibu Dan Kualiti Perapatan Ibu-Remaja Dengan Skor EQ Remaja	87
	4.3.4 Perbandingan Min Skor EQ Remaja Berdasarkan Caragaya Keibubapaan Ibu Yang Permisif, Autoritatif Dan Autoritarian	90
	4.3.5 Perkaitan Antara Skor EQ Ibu Dengan kualiti Perapatan Ibu-Remaja	93
	4.3.6 Perbandingan Min Skor EQ Ibu Berdasarkan Caragaya Keibubapaan Ibu Yang permisif, Autoritatif dan Autoritarian	94
	4.3.7 Prediktor EQ Remaja	97
4.4	Rumusan Hasil Kajian	103

5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	106
5.2	Rumusan	106
5.3	Kesimpulan Kajian	118
5.4	Implikasi Kajian	121
5.5	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	125
	 BIBLIOGRAFI	 127
	 LAMPIRAN	 136
A	A-1 Borang Soal Selidik "A" Untuk Remaja	137
	A-2 Borang Soal Selidik "B" Untuk Ibu	144
B	Jenis Salah laku dan Bilangan Pelajar Terlibat (Menengah) Bagi Tahun 1997, 1998, 1999	149
C	C-1 Surat Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia	150
	C-2 Surat Kebenaran Bagi Menjalankan Kajian ke Sekolah-Sekolah Di Negeri Sembilan	152
	C-3 Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Dari Fakulti Ekologi Manusia UPM	154
	 BIODATA	 155

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Taburan Subjek Kajian Mengikut Jantina, Aliran Dan Pencapaian Akademik	53
3.2	Item-Item Perapatan Ibu-Remaja	59
3.3	Korelasi Antara Subskala Kualiti Perapatan Ibu-Remaja	60
3.4	Nilai Alpha Bagi Skala-Skala Yang Digunakan Dalam Kajian	64
4.1	Latar Belakang Responden Ibu	68
4.2	Latar Belakang Remaja	72
4.3	Skor Kualiti perapatan Ibu-Remaja	76
4.4	Jenis-Jenis Caragaya Keibubapaan Ibu	77
4.5	Analisis Korelasi Pearson Antara Faktor Latar Belakang Ibu dengan Skor EQ Remaja	78
4.6	Analisis Korelasi Pearson Antara Faktor Latar belakang Remaja Dengan Skor EQ Remaja	82
4.7	Analisis Korelasi Pearson Antara Skor EQ Ibu, Kualiti Perapatan Ibu-Remaja Dengan Skor EQ Remaja	87
4.8	Analisis ANOVA Sehalu Bagi Perbandingan Min Skor EQ Remaja Berdasarkan Caragaya Keibubapaan Ibu Permisif, Autoritatif Dan Autoritarian	91
4.9	Ujian Scheffe Perbandingan Min Skor EQ Remaja berdasarkan Caragaya keibubapaan Ibu (Permisif, Autoritatif Dan Autoritarian)	91



4.10	Analisis ANOVA Sehalu Bagi perbandingan Min Skor EQ Ibu Berdasarkan Caragaya Keibubapaan Ibu Permisif, Autoritatif Dan Autoritarian	95
4.11	Ujian Scheffe Bagi Perbandingan Min Skor EQ Ibu Berdasarkan Caragaya Keibubapaan Ibu (Permisif, Autoritatif Dan Autoritarian)	96
4.12	Keputusan regresi pelbagai Bagi Sumbangan Antara perapatan Ibu-Remaja, EQ Ibu Dan Caragaya Permisif Ibu Terhadap EQ Remaja	98
4.13	Rumusan Hasil Kajian Mengikut Hipotesis	105

SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 1 Kerangka Kerja Konseptual Pengaruh Kecerdasan Emosi (EQ) dan Amalan Keibubapaan Ibu Terhadap EQ Remaja	25

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kecerdasan emosi atau apa yang dikenali sebagai *Emotional Intelligence* (EQ) kini menjadi perhatian umum termasuk individu, keluarga dan dunia korporat (Gottman, 1997; Salovey & Sluyter, 1997; Goleman, 1995). Konsep EQ pertama kali dikemukakan pada tahun 1990 oleh ahli psikologi Peter Salovey dari Universiti Harvard dan John Mayer dari Universiti New Hampshire, Amerika Syarikat. Konsep ini kemudian dipopularkan oleh Dr. Daniel Goleman dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat.

Sebenarnya EQ bukanlah konsep baru, sejak 1920 lagi ahli psikologi terkemuka E.L. Thorndike telah mencadangkan supaya kebolehan untuk memahami orang lain dan bertindak dengan bijak dalam hubungan antara manusia perlu dititikberatkan dalam pendidikan. Cadangan itu merupakan konsep EQ. Pada mulanya cadangan itu disambut baik oleh ahli-ahli psikologi tetapi pada tahun 1960, konsep itu mula diabaikan dan dianggap sebagai konsep yang tidak praktikal kerana dipengaruhi oleh teori-teori IQ dan buku-buku tentang darjah kecerdasan. Akhirnya pendidikan kognitif lebih dititikberatkan berbanding dengan pendidikan afektif (Goleman,

1995). Implikasinya, kecenderungan ini kurang berjaya untuk menghasilkan generasi yang berakhlak mulia dan yang bersepadu dari segi rohani, intelek, jasmani, emosi dan sosial. Lantaran itu, wujud pelbagai gejala sosial di kalangan anak golongan remaja dan dewasa.

Terdapat pelbagai model EQ komprehensif yang digunakan untuk menerangkan EQ. Model-model ini tidak bercanggah antara satu sama lain tetapi terdapat perbezaan dari segi persepsi mengenai EQ. Sebagai contoh, konsep kecerdasan intrapersonal dan interpersonal yang dikemukakan oleh Gardner (1983) merupakan konsep EQ iaitu kebolehan untuk mengetahui emosi sendiri dan emosi orang lain.

Menurut Salovey dan Mayer (1990), EQ meliputi tiga kategori iaitu mengenalpasti emosi sendiri, mengawal emosi, dan menggunakan emosi untuk menyelesaikan masalah. Menurut Goleman (1995) pula, lima dimensi EQ ialah kesedaran diri, mengurus emosi, empati, menggunakan emosi secara produktif dan menjalin hubungan baik dengan orang lain.

Dengan mengambil kira pelbagai perspektif, Salovey dan Sluyter (1997) telah meluaskan definisi EQ berasaskan lima kategori utama, iaitu kebolehan mengetahui emosi sendiri, kebolehan pengurusan emosi, kebolehan meningkatkan motivasi sendiri, kebolehan mengenal emosi orang lain dan kebolehan menjalin persaudaraan. Namun begitu, menurut Shutte, Malouff, Hall, Haggerty, Cooper, Golden dan Dornheim (1998), model asal Salovey dan Mayer (1990) didapati merangkumi

pelbagai dimensi perkembangan emosi semasa. Tambahan pula kebanyakan dimensi model EQ yang lain boleh diintegrasikan ke dalam model ini. Sebagai kesimpulan, EQ mengandungi tiga kategori kebolehan adaptif yang utama, iaitu mentafsir emosi, mengawal emosi dan menggunakan emosi dalam menyelesaikan masalah.

Kebanyakan manusia adalah berbeza dari segi kebolehan dalam setiap kategori EQ. Seseorang orang boleh mengatasi masalahnya sendiri seperti perasaan cemas semasa menghadapi peperiksaan, atau rasa kecewa apabila gagal dalam sesuatu ujian, tetapi tidak ada kebolehan pula untuk memberi ketenteraman kepada orang lain yang menghadapi masalah yang sama. Walau bagaimanapun, kekurangan kemahiran dalam sesuatu kategori itu boleh dipelajari dan dipertingkatkan melalui latihan dan kefahaman fungsi keseluruhan otak.

Individu yang EQ tinggi akan berjaya dalam hidup. Kejayaan ini termasuklah kejayaan dalam pencapaian akademik, kerjaya, perkahwinan dan kesihatan fizikal. EQ mempengaruhi prestasi, kejayaan kerjaya dan perhubungan sosial seseorang di sepanjang hidup (Goleman, 1995). Selain itu, orang yang mempunyai EQ yang tinggi dapat menghadapi keadaan yang negatif dengan tabah dan sabar maka secara langsung tahap EQ menentukan resiliensi seseorang (Cynthia, 1998).

Kajian menunjukkan EQ membolehkan seseorang individu memahami diri sendiri dan juga orang di sekelilingnya dengan lebih menyeluruh, lantas

membantu seseorang individu itu dihormati dan dipercayai oleh orang lain (Cooper & Sawaf, 1997). Menurut Hein (1999), EQ memainkan peranan penting dalam kehidupan harian misalnya dalam hal pengurusan diri, pergaulan dan membuat keputusan. EQ juga berfungsi dalam menentukan batasan iaitu bagaimana hendak menguruskan perasaan tidak senang dan tidak bertindak melulu serta menangani kekecewaan dengan bijak.

EQ memainkan peranan yang lebih penting daripada IQ (kecerdasan kognitif) dalam menjamin kejayaan hidup seseorang. Farnham, Alan, Anne dan Tim (1996) telah menjalankan kajian untuk mencari sebab mengapa segelintir ahli Sains yang mempunyai IQ tinggi berprestasi rendah di tempat kerja di Amerika Syarikat. Hasil kajian mereka menunjukkan tahap EQ yang rendah di kalangan subjek kajian menyebabkan mereka menunjukkan prestasi rendah. Menurut Living (1997), EQ memainkan peranan penting dalam mengurangkan tekanan dan mengekalkan keyakinan seseorang.

Pelbagai masalah penyesuaian remaja boleh dikaitkan dengan EQ. Dalam proses perkembangan, remaja yang EQ tinggi berjaya menyesuaikan dirinya dengan baik, manakala remaja yang EQ rendah sering menghadapi pelbagai masalah emosi dan kurang mampu untuk menangani masalah sehingga menjejaskan perkembangan remaja seterusnya (Chung & Elias, 1996).

Pengkaji-pengkaji dalam bidang EQ telah cuba meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan EQ individu. Dalam kebanyakan tinjauan literatur, variabel seperti ciri-ciri individu dan keluarga didapati memberi kesan ke atas perkembangan EQ seseorang individu. Di antara variabel tersebut pengaruh ibu bapalah yang paling signifikan dalam membentuk dan melentur potensi EQ seseorang individu. Malah pengaruh utama adalah ibu bapa (Shapiro, 1998, Gottman, 1997, Goleman, 1995). Menurut Mayer dan Salovey (1997), pengaruh keluarga berupaya menggalakkan atau menghalang perkembangan EQ seseorang individu.

Kehidupan dalam keluarga merupakan persekolahan awal untuk mempelajari emosi. Perkara seperti bagaimana tanggapan anak tentang diri sendiri, bagaimana orang lain memberi respon kepada aksi anak, bagaimana mereka memikirkan perasaan itu, apakah pilihan yang perlu dibuat, bagaimana hendak meluahkan perasaan untuk mengharapkan sesuatu dan menghindarkan ketakutan dan stres merupakan seni kehidupan. Bagaimana ibu menjalin hubungan rapat dengan remaja dan caragaya keibubapaan ibu akan menentukan EQ anak secara langsung (Gottman, 1997). Menyedari hakikat ini, ibu perlu memiliki EQ yang tinggi supaya mampu memberikan bimbingan emosi yang berkesan kepada anak-anak mereka.

Kajian Keats (1984) ke atas remaja di negara ASEAN seperti Malaysia, Thailand dan Hong Kong menunjukkan pengaruh ibu bapa jauh lebih kuat

dalam membentuk nilai dan sikap remaja berbanding dengan pengaruh rakan sebaya. Konsisten dengan kajian Keat, kajian Azimi, Turiman dan Ezhar (1999) menunjukkan bahawa remaja Malaysia menganggap bahawa sumbangan keluarga merupakan faktor terpenting dalam pembentukan remaja agar berjaya. Majoriti remaja Malaysia bersedia menjadikan keluarga sebagai tempat untuk mengadu tentang masalah peribadi. Hampir semua remaja memerlukan ibu bapa sebagai pendorong dalam kehidupan. Oleh itu ibu bapa perlu menghayati kaedah keibubapaan yang bersesuaian dengan peredaran zaman. Cara-cara mendidik dan melayan anak mempengaruhi pemikiran seseorang anak untuk melakukan sesuatu yang baik mahupun yang tidak baik (Sutherland, 1995).

Satu kajian 'longitudinal' yang dijalankan di Amerika Syarikat pada dekad 70-an dan 80-an mendapati kadar jenayah meningkat dan umur penjenayah semakin muda (Seglimen, 1995). Salah laku, delinkuensi, jenayah merupakan akibat langsung daripada EQ yang rendah iaitu kurangnya daya tahan gerak hati, kemahiran pengurusan perasaan marah yang lemah, dan tiada empati terhadap mangsa (Gottman, 1997). Di Malaysia, statistik salah laku remaja bersekolah juga menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun (lihat Lampiran B). Remaja melakukan jenayah, melihat dan membaca bahan-bahan lucah, laku musnah, bertindak kurang sopan disebabkan kurang keupayaan untuk menahan gerak hati. Sekiranya remaja berkemampuan menahan gerak hati, sudah tentu kadar jenayah sedemikian dapat dikurangkan.

Remaja menyertai kumpulan nakal semata-mata untuk memperoleh penerimaan yang mereka tidak dapat di rumah (Block, 1995). Sebagai contoh, remaja suka dianggap penting, dilindungi, diterima, diperlukan, didengar suara hatinya dan dicabar. Ibu bapa perlu menjadi pembimbing EQ kepada remaja supaya remaja dapat menentang segala pengaruh buruk yang melandai masyarakat. Kemahiran EQ membolehkan seseorang remaja mengawal diri semasa menghadapi masalah dalam kehidupan seharian.

Ibu bapa sebagai agen sosialisasi yang paling awal kepada anak memberi pengaruh utama yang paling signifikan dalam perkembangan individu (Berk, 1999). Ibu bapa memberi perlindungan dan membentuk tingkah laku remaja di dalam dan di luar unit keluarga (Gecas & Schwalbe, 1986). Kajian Gottman (1997) telah menunjukkan bahawa ibu bapa perlu menjadi pembimbing emosi kepada anak dengan memberi tumpuan kepada pembentukan EQ yang tinggi. Variabel keibubapaan seperti kecerdasan emosi (EQ) ibu, perapatan ibu-remaja dan caragaya keibubapaan mempunyai kaitan secara langsung dengan EQ remaja (Mayer dan Salovey, 1997).

Menurut Goleman (1995), pengaruh keluarga terutamanya ibu bapa akan menentukan perkembangan EQ remaja. Pada lazimnya, tahap EQ ibu akan mempengaruhi tahap EQ anak secara langsung. Ibu bapa yang rendah tahap EQ sentiasa bertindak mengikut perasaan atau emosi mereka tanpa mengambil kira kesan sampingan yang akan dibawa oleh